

'Jangan marah jika ketaatan kita dipersoalkan'

**SANGGUPLAH
TERIMA YANG
BURUK – PM**

MM 7 JUN 1987

KUALA LUMPUR 6 Jun — Perdana Menteri hari ini mengingatkan warganegara Malaysia yang setia haruslah sanggup menerima 'yang buruk' dan tidak boleh mengharapkan 'yang baik' semata-mata.

"Kalau kita menjadi warganegara yang cuma selesa dengan suasana negara yang senang - lenang sahaja, janganlah marah jikalau ketaatan kita dipersoalkan," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menambah, rakyat tidak boleh mudah kecewa, lebih-lebih lagi bila menghadapi berbagai cabaran semasa.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan Parti Gerakan di sini hari ini, beliau menegaskan: "Sebagai rakyat Malaysia kita harus menerima yang baik bersama yang buruk."

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri meminta Parti Gerakan serta komponen-komponen Barisan Nasional yang lain supaya memikul tanggungjawab menjelaskan keadaan yang sebenar kepada rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga tidak mahu rakyat cemas apabila berhadapan dengan sesuatu masalah seperti kemelesetan ekonomi dan cuba mempersalahkan mana-mana tokoh atau dasar-dasar kerajaan.

Sambil menegaskan itu bukan caranya bagi memperbetulkan keadaan, Perdana Menteri berkata apa yang penting ialah

mengkaji sesuatu gejala dengan tenang, menentukan sebab-sebab yang sebenar, dan menyusun langkah untuk mengatasi masalah itu.

"Melempar tuduhan bahawa orang itu salah, orang ini salah atau dasar itu salah dan dasar ini salah bukan caranya bagi membetulkan keadaan.

"Jika kita cemas dan bertindak-balas secara membuta tuli, maka keadaan akan menjadi lebih buruk lagi," ujarnya.

Kesimpulan amanat beliau selama setengah jam itu ialah perlunya menjaga paduan terutama apabila negara sedang menghadapi satu-satu cabaran seperti kemelesetan ekonomi atau ketegangan politik atau sosial.

"Dalam hal ini, seharusnya tidak timbul apa-apa perasaan cemburu di antara ahli-ahli parti komponen BN yang lain dan sememangnya saya percaya tidak ada perasaan cemburu di antara satu parti komponen dengan parti komponen yang lain dalam BN mengenai apa-apa kemajuan yang dikecapi oleh mana-mana parti komponen.

"Sebaliknya, kita harus saling sokong - menyokong kerana kita semua sebenarnya merupakan ahli-ahli dalam satu keluarga yang besar di mana kekuatan kita ibarat kata orang putih adalah '*as strong as the weakest link*' (sekuat ikatan yang paling lemah)."

Datuk Sri Dr. Mahathir mengajak rakyat Malaysia supaya berbangga dengan perkembangan ekonomi akhir-akhir ini di mana harga barangan mula meningkat semula dan pelaburan sama ada daripada luar atau dalam negeri turut meningkat.

Katanya, keyakinan terhadap iklim ekonomi negara semakin menebal dan semua ini adalah fakta-fakta yang tidak boleh dinafikan.

Oleh itu, beliau mahu rakyat Malaysia sama-sama bertanggungjawab untuk menguatkan lagi keyakinan ini.

Perdana Menteri mengulangi salah satu langkah yang boleh sama-sama dilakukan ialah menangkis gejala khabar - khabar angin yang diada-adakan bagi mengeruhkan semula suasana ekonomi negara.

"Kita harus menaruh keyakinan dan meneliti beberapa fakta yang jitu mengenai ekonomi negara kita," tambahnya.

Beliau lalu memberikan contoh tentang rizab antarabangsa Bank Negara

LIHAT MUKA 11

Sangguplah terima yang buruk — Mahathir

yang telah meningkat tahun lalu sebanyak \$3,883 juta berbanding dengan tahun 1985.

Ini menjadikan rizab antarabangsa Malaysia berjumlah kira-kira \$16,358 juta, iaitu satu jumlah yang tertinggi yang pernah dicapai oleh negara ini sejak merdeka hampir 30 tahun.

Jumlah rizab ini adalah sama dengan keupayaan negara mengimport selama 7.1 bulan berbanding dengan penghujung tahun

1985 di mana rizab antarabangsa Malaysia cuma boleh menampung import selama lima bulan sahaja. Pada suatu masa rizab negara pernah turun sehingga bersamaan kira-kira 3.5 bulan import sahaja.

Katanya, rakyat juga harus bersyukur yang imbalan pembayaran negara tahun lalu mencatatkan lebihan sebanyak \$4,131 juta - satu rekod tertinggi yang pernah dicatatkan oleh negara. Jumlah lebihan ini

adalah \$922 juta lebih daripada lebihan tahun sebelumnya.

Perdana Menteri mengulangi kemelesetan ekonomi negara disebabkan negara terlalu bergantung kepada eksport bahan mentah untuk mendapat tukaran asing.

Sebaliknya, beberapa negara perindustrian baru di Timur Asia mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat tinggi kerana mereka bergantung kepada eksport

barangan buatan.

Memang kepada hakikat ini, jelasnya, strategi kerajaan yang pertama ialah cuba mengurangkan kos pengeluaran bahan mentah negara dan yang kedua menumpu kepada bidang pembuatan untuk membantu pendapatan tukaran asing.

Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan, kerajaan telah membenarkan nilai matawang Malaysia jatuh sedikit dan ini menolong meng-

urangkan kos pengeluaran negara.

Tetapi, katanya, ini tidak boleh diharapkan sangat kerana ringgit yang murah meningkatkan kos bahan import yang diperlukan untuk pembuatan.

Sungguhpun penurunan kadar faedah bank juga boleh menurun, tetapi yang terpenting ialah kecekapan pengurus - pengurus negara mengurangkan kos pengeluaran.

Beliau mengakui dalam bidang pembuatan, kepakaran negara agak terhad, tetapi yakin ini boleh diatasi dengan mengadakan usahasama dengan pedagang - pedagang asing.

Sambil menyatakan tanda-tanda menunjukkan bahawa kemampuan negara dalam pembuatan sudah meningkat, beliau yakin bahawa akhirnya Malaysia akan mempunyai 'optimum

mix' antara eksport barangan mentah dengan eksport barangan buatan.

Mengenai scenario politik tempatan, Perdana Menteri berkata pada masa ini ada parti-parti komponen BN yang sedang menghadapi sedikit cabaran dalam parti sendiri termasuklah UMNO dan Gerakan.

Namun demikian, beliau berpendapat perkara ini tidaklah merisaukan sangat oleh kerana BN telah menempa kecemerlangan dalam pilihanraya umum tahun lalu.

Bahkan, dalam pilihanraya kecil di Gopeng bulan lalu, menunjukkan kemampuan BN mencapai kejayaan nyata sekali.

Beliau berharap sebarang cabaran yang terdapat di kalangan parti - parti komponen akan antara lain, meningkatkan kematangan berpolitik ahli-ahli mereka.